

PENGARUH INTELEK TERHADAP KEFAHAMAN PESERTA BAGI PENGANJURAN KURSUS PENDIDIKAN ISLAM DAN FARDHU AIN (PIFA) DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Muhammad Ridwan bin Hashim
ridwan@upnm.edu.my

Daud bin Mohamed Salleh
daud@upnm.edu.my

Noor Azmi bin Mohd Zainol
noorazmi@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Membangunkan modal insan perlu memenuhi objektif utama iaitu membangunkan empat teras utama yang terdiri daripada jasmani, emosi, rohani dan intelek. Berdasarkan objektif teras, kajian memfokuskan kepada intelek bagi mengenalpasti tahap kefahaman peserta Kursus Pendidikan Islam dan Fardhu Ain (PIFA) di UPNM. Kajian ini melibatkan seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada warga UPNM. Instrumen soal selidik dalam kajian ini telah menggunakan tujuh skala Likert bagi tujuan pengumpulan data. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan pakej perisian *SmartPLS*. Ujian *bootstrapping* menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen intelek dengan kefahaman dalam kalangan peserta yang mengikuti kursus PIFA di UPNM. Secara keseluruhannya elemen intelek mampu mempengaruhi tahap kefahaman dalam kalangan peserta kursus PIFA di UPNM.

Kata kunci: *Intelek, Kefahaman, PIFA dan Modal Insan.*

PENDAHULUAN

Pembangunan modal insan (PMI) merupakan salah satu istilah yang sering digunakan dalam perbincangan pada masa kini. Ia mula diberi perhatian serta diperakui akan kepentingan sebagai tonggak pembangunan dari pelbagai aspek khususnya ekonomi, sahsiah, keharmonian segajat, kepimpinan serta kemajuan sesebuah negara.

Namun begitu, PMI ini bukan sahaja penting terhadap pembangunan fizikal atau material semata-mata tetapi ia juga penting dalam memastikan pembentukan sahsiah serta jati diri seseorang khususnya dalam kalangan warga UPNM. Oleh itu, PMI tidak boleh dipandang dari sudut fizikal atau material semata-mata namun ianya perlu dilihat secara mendalam terhadap aspek spiritual dan kerohanian bagi meningkatkan kefahaman pendidikan Islam dan Fardhu Ain dalam kalangan warga UPNM. PMI yang berimpak tinggi tanpa dimasukkan elemen kefahaman Pendidikan Islam berkemungkinan besar akan menemui kegagalan.

Penerapan elemen PMI khususnya intelek terhadap individu dalam meningkatkan lagi tahap kefahaman Pendidikan Islam dan Fardhu Ain merupakan satu kombinasi yang tepat dalam menghasilkan penguasaan ilmu pengetahuan Islam serta pengamalan berteraskan Islam dalam kalangan warga UPNM.

Walaupun kajian yang dijalankan mengenai PMI telah banyak dijalankan, namun kajian-kajian berkenaan pengaruh elemen intelek terhadap kefahaman Pendidikan Islam dan Fardhu Ain dalam kalangan staf UPNM masih belum dilaksanakan. Kajian-kajian terdahulu hanyalah dilaksanakan terhadap pembangunan ekonomi serta fizikal di agensi atau institusi luar sahaja. Tambahan pula, kajian berkenaan maklumbalas mengenai kualiti pencapaian kefahaman Pendidikan Islam dan Fardhu Ain dalam kalangan staf di organisasi ini sangat kurang diberi perhatian. Selain itu, kebanyakan kajian-kajian sedia ada hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja tanpa melibatkan kaedah kuantitatif. Ini menyebabkan penemuan kajian adalah bias dan boleh dipersoalkan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif. Dengan menggunakan kaedah tersebut akan mengurangkan bias dan menghasilkan dapatan kajian yang lebih dipercayai. Hal ini mendorong pengkaji untuk melihat dengan lebih terperinci berkenaan tahap warga UPNM dalam menguasai kefahaman Pendidikan Islam dengan dipengaruhi oleh elemen intelek.

OBJEKTIF KAJIAN

UPNM adalah merupakan sebuah institusi pengajian Tinggi Awam yang dibina di dalam Kem Sungai Besi Kuala Lumpur. Penubuhan universiti ini mempunyai kaitan langsung dengan ATM di mana tujuan utama ditubuhkan universiti ini adalah untuk melahirkan para ilmuwan dan lulusan UPNM untuk menyertai ATM. Universiti ini ditubuhkan dengan misinya untuk menjadi universiti pertahanan *premier* untuk pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu (Buku Panduan Akademik UPNM 2019/2020). Objektif utama penubuhan UPNM ialah untuk menjadi *feeder* atau penyumbang utama ATM dari segi sumber manusia dengan melahirkan pelajar-pelajar atau disebut sebagai Pegawai Kadet yang bakal mengisi kekosongan di dalam Angkatan Tentera setelah mereka ditauliahkan. Tujuan Penubuhan UPNM telah ditetapkan dalam Warta Kerajaan Malaysia bertarikh 28 September 2006 dengan menetapkan tujahan universiti ini.

Sepertimana yang ditetapkan dalam warta, tujahan UPNM adalah "untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang pertahanan dan keselamatan seperti sejarah ketenteraan, ekonomi pertahanan, komunikasi ketenteraan, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, sains nautika dan teknologi maritim, sains penerbangan, sains teknologi dan maklumat pertahanan, bioteknologi pertahanan dan sains persenjataan, pengajian keselamatan, penyelesaian konflik, pengajian strategik, kepimpinan ketenteraan dan bidang lain yang perlu penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu."(Laporan Penilaian Kendiri- Audit Autonomi UPNM 2015).

Selari dengan tujahan UPNM iaitu melahirkan para graduan universiti yang mempunyai nilai *Intellectual Leaders of Character*, staf UPNM yang merupakan tulang belakang organisasi ini perlu mempersiapkan diri dalam ilmu pengetahuan yang tinggi bagi merealisasikan visi dan misi UPNM terus terlaksana khususnya PMI dalam kalangan mahasiswa UPNM. PMI sentiasa diberikan perhatian yang serius dalam sistem pendidikan dan latihan dalam kalangan warga UPNM sama ada di peringkat staf mahupun mahasiswa.

Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- i) untuk mengenalpasti hubungan di antara elemen intelek terhadap tahap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus.
- ii) menentukan sejauhmana pengaruh PMI iaitu elemen intelek terhadap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus PIFA di UPNM.

PERSOALAN PENYELIDIKAN

Persoalan kajian akan menjadi panduan bagi keperluan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah elemen intelek dapat mempengaruhi tahap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus PIFA di UPNM?
- ii. Apakah tahap hubungan antara elemen intelek terhadap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus PIFA di UPNM?

KAJIAN LITERATUR

Menurut Jalaluddin (2014), elemen intelek merupakan perkara yang amat penting bagi melahirkan manusia yang berintelektual supaya kemajuan, kesejahteraan serta perlindungan bagi golongan-golongan yang lemah dapat dipelihara oleh manusia yang berintelektual yang tinggi.

Roziyah (2004) menghuraikan, penanda aras bagi manusia yang berilmu adalah manusia yang mempunyai intelektual yang tinggi seperti baginda Rasulullah SAW. Rasulullah SAW mempunyai intelektual yang hebat selari dengan sifat kenabiannya. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh Rasulullah SAW adalah hasil daripada kehebatan ilmu wahyu yang telah disampaikan oleh Allah SWT. Nilai intelektual yang dimiliki oleh baginda Rasulullah SAW berbanding manusia yang lain merupakan satu panduan dan penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku dalam kalangan sahabat pada ketika itu sekaligus membuktikan keagungan Allah SWT melalui menerapkan ilmu, galakan setiap amalan dan penyebaran dakwah.


Menurut Arikunto (2009) mengatakan bahawa kefahaman merupakan gambaran terhadap kemampuan seseorang dalam mempertahankan, membezakan, menduga, menerangkan, memperluas, menyimpulkan, memberikan contoh, menuliskan kembali serta menghitung sesuatu perkara.

Beck (1981) telah menunjukkan bahawa intelek merupakan elemen penting dalam mempengaruhi proses kefahaman bagi sesuatu perkara. Tahap penguasaan kefahaman terhadap sesuatu perkara adalah bergantung kepada tahap ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang. Oleh itu, proses kefahaman bagi sesuatu perkara adalah bergantung kepada sejauh mana penguasaan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang. Sekiranya seseorang itu mempunyai daya intelek yang lemah, maka mereka akan menghadapi masalah dalam menguasai daya kefahaman dalam sesuatu perkara. Tahap penguasaan elemen intelek yang tinggi mampu membantu seseorang dalam mempercepatkan proses kefahaman dengan lebih berkesan.

Justeru itu, elemen intelek yang diterapkan dalam meningkatkan tahap kefahaman dalam bidang Pendidikan Islam dan Fardhu Ain antaranya bertujuan untuk menyedari dan menginsafi para peserta kursus agar sentiasa mengakui daya kekuatan Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberianNya, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri serta membentuk akhlak mulia (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berdasarkan soroton literatur di atas, sebuah kerangka konseptual telah dibentuk seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Elemen Intelek Terhadap Kefahaman PIFA Dalam Kalangan Peserta Kursus PIFA 2020 di UPNM

Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, hipotesis-hipotesis yang akan diuji ialah:

H1: Terdapat hubungan yang positif di antara intelek dengan kefahaman peserta kursus PIFA.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian

Kaedah keratan rentas telah digunakan dalam mereka bentuk kajian ini. Kaedah ini membolehkan pengkaji menggabungkan kajian literatur, temuduga terperinci dan kajian soal selidik sebagai prosedur utama pengumpulan data kajian. Kelebihan kaedah ini ialah berupaya membantu pengumpulan data secara tepat, mengelakkan wujudnya unsur berat sebelah, relevan dengan keperluan sesuatu kajian dan boleh dipercayai untuk mengukur persepsi responden terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian (Sekaran & Bougie, 2010; Creswell, 2012).

Kajian ini menjurus kepada tahap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus PIFA di UPNM. Ia juga berkait rapat dengan elemen modal insan iaitu elemen intelek dan kebolehpercayaan bagi menjamin penguasaan ilmu pendidikan Islam serta Fardhu Ain dalam kalangan peserta kursus tersebut.

Temuduga terperinci

Langkah pertama dalam prosedur pengumpulan data bagi kajian ini ialah temuduga terperinci (*in-depth interview*) dengan melibatkan staf dari pelbagai jabatan dan jenis beruniform. Mereka dipilih menggunakan persampelan purposif (Sekaran & Bougie, 2010). Maklumat yang diperolehi daripada mereka menerangkan bahawa tahap kefahaman PIFA adalah bergantung kepada tahap penguasaan PMI iaitu penguasaan elemen intelek seperti yang telah dinyatakan. Maklumat yang diperolehi daripada temuduga terperinci menunjukkan bahawa elemen intelek memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kefahaman PIFA dalam kalangan peserta kursus. Penguasaan tahap kefahaman yang sempurna mampu membentuk peserta yang hadir ke kursus tersebut mempunyai nilai “*Intellectual Leaders of Character*” yang tinggi.

6.3 Soal selidik

Pengumpulan data dibuat menggunakan borang soal selidik berdasarkan skala tujuh jawapan pilihan Likert. Borang soal selidik kajian ini merangkumi dua bahagian utama. Pertama, ketara diukur dengan menggunakan lima item yang diubahsuai daripada literatur kajian berkenaan elemen intelek. Kedua, peserta kursus PIFA telah diukur menggunakan sembilan item yang diubahsuai daripada literatur kajian berkenaan dengan kefahaman peserta kursus. Teknik persampelan mudah telah digunakan untuk mengedarkan 40 borang soal selidik kepada peserta kursus PIFA dari pelbagai jabatan serta kategori perkhidmatan di UPNM. Daripada jumlah di atas, sebanyak 40 borang soal selidik yang diisi dengan lengkap, mewakili kadar maklum balas sebanyak 100 peratus.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis*)

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian kesahan konvergen, diskriminan dan kebolehpercayaan item. Kesemua item di dalam konstruk-onstruk mempunyai pemberat faktor (*factor loadings*) melebihi 0.7 menunjukkan bahawa item-item tersebut telah mencapai tahap yang ditetapkan dalam pemberat faktor (Chin, 1998; Fornell & Larcker, 1981; Gefen & Straub, 2005; Henseler et al., 2009). Selain itu, *average variance extracted* (AVE) melebihi 0.5 (> 0.5) menunjukkan bahawa konstruk-onstruk kajian telah memenuhi kriteria kesahan konvergen (Barclay et al., 1995; Fornell & Larcker, 1981; Henseler et al., 2009). Bagi ujian kesahan diskriminan pula, nilai punca ganda dua AVE (\sqrt{AVE}) yang ditunjukkan secara diagonal adalah lebih besar daripada korelasi di antara konstruk lain yang ditunjukkan secara tidak diagonal. Ini menunjukkan bahawa hasil analisis ini telah mencapai kriteria ujian kesahan diskriminan yang ditetapkan (Henseler et al., 2009). Seterusnya, ujian kebolehpercayaan item diuji dengan melihat nilai kebolehpercayaan komposit dan nilai alpha Cronbachs. Nilai yang ditunjukkan adalah melebihi 0.9, menunjukkan bahawa skala pengukuran mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi. (Chua, 2006; Henseler et al., 2009; Sekaran & Bougie, 2010). Oleh itu, tahap kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran ini adalah memenuhi kriteria analisis penerokaan faktor yang ditetapkan


Jadual 2. Keputusan Ujian Kesahan Konvergen, Diskriminan dan Kebolehpercayaan Item

Konstrak	Jumlah Item	Pemberat Faktor	Kebolehpercayaan Komposit	Alpha Cronbachs
(1) Intelek	5	0.864 – 0.916	0.937	0.924
(2) Kefahaman Peserta Kursus	9	0.711 – 0.829	0.945	0.940

Nota: \sqrt{AVE} yang ditunjukkan secara diagonal

Keputusan Pengujian Hipotesis

Pengujian hipotesis dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *bootstrapping*. Bagi pengujian hipotesis kesan langsung, hasil pengujian menunjukkan elemen intelek mempunyai hubungan yang signifikan dengan kefahaman peserta kursus ($\beta=0.490$; $t>2.610$). Oleh itu, H1 adalah diterima. Dari aspek kekuatan model, kemasukan elemen intelek ke dalam analisis telah menyumbang sebanyak 24.0 peratus terhadap kefahaman peserta kursus dan pencapaian ini dianggap sebagai lemah (Chin, 1998; Henseler et al., 2009).



Rajah 2: Hasil Penemuan Ujian Hipotesis

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Impak kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga aspek yang utama: impak kepada teori, pemantapan kaedah penyelidikan dan organisasi. Dari segi impak terhadap teori, adalah dijangkakan bahawa elemen intelek mempunyai pengaruh yang berkesan terhadap peningkatan kefahaman Pendidikan Islam dan Fardhu Ain dalam kalangan peserta kursus. Penemuan kajian ini akan menyokong dan memantapkan literatur kajian berkenaan tahap kefahaman PIFA sedia ada di organisasi lain.

Daripada segi impak terhadap pemantapan kaedah penyelidikan, data yang diperolehi melalui literatur temubual, kajian rintis dan pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik akan menambahkan dimensi kajian terutamanya dalam kajian-kajian berdasarkan pelaksanaan program atau aktiviti yang terdapat di UPNM yang kebanyakannya menggunakan kaedah andaian atau kualitatif sahaja.

Impak terhadap organisasi pula, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak pentadbiran khususnya Jabatan Pendaftar atau Akademi Latihan Ketenteraan atau Pusat Islam UPNM untuk mempertingkatkan lagi tahap kefahaman PIFA dalam kalangan staf masing-masing dan boleh dikembangkan kepada staf di organisasi luar yang lain.

KESIMPULAN

Kajian ini akan dilaksanakan menggunakan kerangka konseptual yang dibina berasaskan kepada literatur pembangunan modal insan yang telah diubahsuai serta ditambahbaik lagi. Diharapkan dengan adanya kajian ini akan menambahbaik nilai pembangunan modal insan dalam kalangan warga UPNM pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Arikunto, S., 2009. *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktik*. Edisi Revisi 6. Jakarta : Rineka Cipta.
- A. M. Salleh, (2008). “Pengajian Agama Islam & j-Qaf: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan, Shah Alam di Selangor”. Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Battikha, Mireille G. and Colin H. Davidson (1996) “Cause and Effect 3-D Model for measuring performance in Construction Acceleration: a Decision Support System” *Building Research and Information*, Vol. 24, No 6, pp.351-357.
- Beck. L. Isabel (1981), *Reading Problems and Instructional Practice*, dalam *Reading Research Advances in Theory And Practice*. Volume 2, London: Academic Press.
- Chin, W. W., (1998). The Partial Least Squares Approach to Structural Equation Modelling, Dalam Hoyle, R. H. (Peny) *Statistical Strategies for Small Sample Research (Ms 307-341)*. California: Sage Publication, Inc.
- Creswell, J. W., (2012). *Educational Research: Planning, Conduct, And Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th Ed.)*. Boston: Pearson.
- Davidson, Colin H. (ed) (1998) *Information in the Building Industry – Problems and Solutions*, Montréal, IF Research Corporation, (electronic book on the Internet).
- Fornell, C., & Larcker, D. F., (1981). Evaluating Structural Equation Models with Unobservable Variables and Measurement Error. *Journal of Marketing Research*, 18, 39-50.
- Gefen, D., & Straub, D., (2005). A Practical Guide to Factorial Validity Using PLSGraph: Tutorial and Annotated Example. *Communication of The Association for Information Systems*, 16, 91–109.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sinkovics, R. R., (2009). The Use of The Partial Least Squares Path Modeling In International Marketing. *New Challenges to International Marketing Advances In International Marketing*, 20, 277- 319.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sinkovics, R. R., (2009). The Use of The Partial Least Squares Path Modeling In International Marketing. *New Challenges to International Marketing Advances in International Marketing*, 20, 277- 319.
- Jalaluddin, A. M., (2014). “Intelektual pembangunan: Antara yang Menyumbang dan Mendandang”. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 1 (147 - 159) 147 © 2014, ISSN 2180-2491.
- Phillips, E. Barbara (1996) *City Lights: Urban and Suburban Life in the Global Society*. Oxford University Press; New York.
- RoZIAH, S., (2004). “Genius Muhammad Bin Abdullah”. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Bentong, Pahang.
- Scottish Intercollegiate Guidelines. 2001. *Hypertension in the elderly*. (SIGN publication 20) [internet] Edinburgh: SIGN (Published 2001) Available at: <http://www.sign.ac.uk/pdf/sign49.pdf> [Accessed 17 March 2005].
- Sekaran, U., & Bougie, R., (2012). “Research Methods for Business: A Skill Building Approach”. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Sekaran, U., & Bougie, R., (2012). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.